

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 11/2/2016

Muka surat: 11

Tajuk : Unimas akan anjurkan STEM ENCON2016

UNIMAS akan anjurkan STEM ENCON2016

KOTA SAMARAHAN: Buat kali kesembilan, Fakulti Kejuruteraan UNIMAS akan menganjurkan Persidangan Kejuruteraan Antarabangsa (UNIMAS-STEM ENCON2016) di Kuching bermula 26 sehingga 28 Oktober depan.

Bertemakan "Penyelesaian inovatif untuk Cabaran Kejuruteraan dan Teknologi Cabaran", persidangan ini akan memfokuskan isu-isu penting antaranya struktur kejuruteraan, geoteknik, kejuruteraan sumber air, lebuhraya dan pengangkutan, kejuruteraan alam sekitar, kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, kejuruteraan kimia, industri dan pembuatan dan sebagainya.

Persidangan itu akan didahului dengan bengkel 'Eurocode Design' dengan tajuk Reinforced Concrete and Structural Steel', yang akan dikendalikan oleh dua orang penyelidik terkenal dalam bidang berkenaan dari Universiti Teknologi Malaysia, iaitu Ir Mohamad Salleh Yassin dan Profesor Madya Dr Ahmad Baharuddin.

Selain itu, turut diadakan sempena persidangan ini adalah Ekspo Kejuruteraan, Teknologi dan Sains (STEEEx) 2016 pada 26 Oktober 2016.

Ekspo ini akan mempamerkan produk inovatif dari para akademik serta Industri yang digabungkan di bawah satu bumbung. Hadiah terbaik bagi produk inovasi akan diumumkan selain hadiah-hadiah lain seperti emas, perak dan gangsa untuk teknikal terbaik dan sumbangan saintifik.

Kertas kerja yang melalui proses penilaian dan diterima akan dimuatkan dalam jurnal indeks SCOPUS yang mana diiktiraf sebagai 'Continuous Professional Development' (CPD) oleh Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM).

Tarikh akhir untuk penyerahan dan pendaftaran adalah pada 2 Mei 2016 dan mereka yang berminat, boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghantar pertanyaan ke encon2016@event.unimas.my atau melayari laman web <http://www.feng.unimas.my/encon2016/>.

encon2016/.

Fakulti Kejuruteraan UNIMAS sememangnya telah berada di barisan hadapan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan sebagai usaha membantu Universiti ini mencapai visi Pelan Strategik Universiti.

Baru-baru ini, fakulti ini telah menandatangani enam Memorandum Perjanjian (MoA) dan lima Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan kongsi industri dan penyelidikan untuk menyemarakkan budaya penyelidikan dan mengeratkan kerjasama dengan pihak industri.

Perindustrian dan Penyelidikan untuk menggalakkan penyelidikan dan juga untuk membangunkan hubungan rapat dengan pihak industri.

Hasilnya, empat buah makmal telah ditubuhkan dan kira-kira RM5.5 juta geran dan kontrak penyelidikan sepanjang tahun 2015 serta 83 peratus daripada penyelidikan Fakulti boleh dilihat pada Google Scholar dan telah diterbitkan dalam jurnal berkualiti tinggi.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat